

## **GARIS PANDUAN 4: PENGURUSAN DEWAN ORANG RAMAI**

Majlis berusaha untuk memelihara kepentingan masyarakat dan warga perbandaran Seberang Perai. Kepentingan dan keperluan untuk berpesatuan serta menjalankan aktiviti-aktiviti sukan dan sosial berteraskan konsep kesepakatan komuniti dan kepentingan bersama menjadi asas utama kepada Majlis untuk menyediakan pusat-pusat komuniti dan dewan di kawasan perumahan. Dewan-dewan ini diurusadbirkan oleh JKKK / Rukun Tetangga / Persatuan Penduduk / NGO yang sah pendaftarannya.

MPSP telah mensyaratkan kepada pemaju-pemaju perumahan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan awam seperti dewan orang ramai semasa proses perancangan lagi. Setelah siap sesuatu projek perumahan dewan-dewan orang ramai yang dibina akan diserahkan milik kepada MPSP melalui Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta dan seterusnya Jabatan Kemasyarakatan akan menguruskan dewan orang ramai tersebut. Dewan-dewan yang diserahkan oleh pemaju ini akan dipastikan mempunyai kemudahan asas yang lengkap seperti bilik air, tandas, bekalan elektrik dan air.

Asas MPSP mensyaratkan pemaju untuk membina dewan-dewan ialah untuk memenuhi hak-hak sosial masyarakat setempat. Dewan-dewan ini dibina adalah bertujuan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan berpersatuan seperti berikut :

- i. Pusat pentadbiran / Mesyuarat dan perbincangan persatuan
- ii. Aktiviti kewanitaan / kejrangan
- iii. Aktiviti Bersukan
- iv. Pusat sumber / ilmu
- v. Tempat pendidikan / tadika / perpustakaan

Tujuan permohonan untuk mengguna dewan MPSP samada oleh JKKK, Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga atau Pertubuhan Berdaftar yang lain adalah untuk menjalankan aktiviti-aktiviti seperti berikut :

- i. Pusat pentadbiran persatuan
- ii. Untuk menjalankan aktiviti-aktiviti berpesatuan seperti mesyuarat / perbincangan / dialog dan pusat rondaan keselamatan
- iii. Sebagai pusat sumber / pendidikan seperti perpustakaan mini / tadika / tabika / kelas tuisyen / kelas memasak
- iv. Pusat kecergasan atau riadah , sukan seperti aerobik / tarian
- v. Sebagai tempat menjalankan aktiviti/majlis keraian dan sambutan seperti lawatan / jamuan / kenduri

Dewan-dewan ini akan diberi hak pengurusan dan penyelenggaraan selama setahun kepada JKKK atau Persatuan Penduduk dan juga Rukun Tetangga atau ngo dengan mengenakan bayaran gantian cukai tanah dan cagaran RM100.00.

Permohonan rasmi bagi status dewan yang masih kosong perlu dikemukakan kepada MPSP dan disertai dengan ;

- i) Sijil Pertubuhan yang sah
- ii) Senarai Ahli Jawatankuasa
- iii) Perancangan aktiviti tahunan

Majlis terlebih dahulu membuat tawaran terlebih dahulu kepada JKKK kawasan berkenaan. Sekiranya pihak JKKK menolak tawaran tersebut, maka permohonan pengurusan akan dibuka kepada pihak lain seperti Persatuan Penduduk atau Rukun Tetangga dan sebagainya.

## **SYARAT-SYARAT PENGURUSAN DEWAN ORANG RAMAI**

- A. Dewan Majlis hanya boleh digunakan untuk kegiatan penyewa sahaja yang tidak bercanggah dengan mana-mana undang-undang
- B. Penyewa tidak dibenarkan menyewa atau membenarkan mana-mana pihak lain mengguna dewan tersebut tanpa kebenaran Majlis.
- C. Penyewa adalah bertanggungjawab menjaga dan menyelenggara dewan dengan baik. Sebarang kerosakan dalam tempoh pengurusan adalah tanggungjawab pengurus.
- D. Pengurus bertanggungjawab menjaga kebersihan dewan dengan sekitarnya.
- E. Pengurus bertanggungjawab atas segala perbelanjaan bil-bil elektrik dan air serta lain-lain penyelenggaraan dewan dari semasa ke semasa.
- F. Bayaran sewa hendaklah dijelaskan sekaligus sebelum tarikh berkuatkuasanya pengurusan tersebut.
- G. Penggunaan dewan untuk kegiatan keagamaan, perjudian, komersial dan aktiviti diharamkan oleh kerajaan serta yang boleh menimbulkan sensitiviti dan gangguan bising kepada masyarakat sekitar adalah tidak dibenarkan.
- H. Pengurus tidak boleh melakukan kerja-kerja pengubahsuaian ke atas struktur bangunan tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis.
- I. Pengurus hendaklah menyerahkan milik dewan bersama-sama barang lekapan dan kelengkapan Majlis di dalam keadaan yang baik dan pada kedudukan yang asal selepas habis tempoh perjanjian atau terlebih dahulu ditamatkan tempoh penurusan yang diberikan oleh Majlis.
- J. Majlis berhak untuk membatalkan kelulusan ini pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa ulasan.
- K. Penjelasan berkaitan syarat-syarat akan dikemukakan dalam dokumen perjanjian.